

**MAJLIS MENGADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN
DAN BINTANG-BINTANG SERTA PINGAT-PINGAT
ISTANA NEGARA**

27 JUN 1985

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar D.K. Yang Di-Pertuan Agong Malaysia. Ampun Tuanku.

Bagi pihak Kerajaan dan seluruh rakyat serta diri patek sendiri, patek mohon menyembah setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sempena Majlis Mengadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran dan Bintang-Bintang serta Pingat-Pingat pada hari ini.

2. Sempena hari yang bahagia ini, patek sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, semoga dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmat dan hidayahNya kepada Kebawah Duli Tuanku serta Raja Permaisuri Agong. Demikian juga, patek sekalian berdoa semoga Tuanku berdua sentiasa di dalam kandungan sihat walafiat, serta memerintah dan memegang teraju tertinggi pemerintahan negara Malaysia, dengan bertambah daulat dan kemuliaan.

Ampun Tuanku,

3. Kerajaan sedang menggubal dan menyusun rancangan pembangunan negara bagi Rancangan Malaysia Kelima. Usaha penggubalan ini dilakukan dengan mengambil kira bahawa ekonomi negara kita masih di dalam proses pemulihan daripada kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia. Kerajaan Persekutuan akan menentukan semua projek pembangunan akan memberi manfaat kepada rakyat jelata.

4. Rancangan Malaysia Kelima ini juga adalah perancangan lima tahun di bawah Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan akan terus berusaha sedaya upaya bagi melaksanakan objektif-objektif yang terkandung dalam Dasar tersebut. Walau bagaimanapun rakyat hendaklah sentiasa memberi sokongan supaya usaha Kerajaan ini berjaya. Hanya dengan tekad yang bulat dari kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan dan rakyat, maka barulah objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru dapat dipenuhi.

5. Negara kita terpelihara daripada segi keselamatan dan insyaAllah negara kita akan terus terpelihara daripada gejala-gejala buruk. Walau bagaimanapun Kerajaan akan terus berhati-hati bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman negara ini tetap terjamin. Mengenai perpaduan pula, Kerajaan pada keseluruhannya berbangga dengan hubungan antara kaum yang rapat dan mesra. Walaupun ada golongan-golongan tertentu yang membawa unsur-unsur yang boleh membawa kepada perpecahan, negara ini bertuah kerana majoriti rakyat Malaysia sedar tentang pentingnya perpaduan bagi kepentingan mereka sendiri dan pembangunan negara.

Ampun Tuanku,

6. Patek, bersama-sama dengan Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, dan sekalian kakitangan Kerajaan, akan terus menumpukan usaha dan tenaga untuk menyempurnakan tugas dan tanggungjawab patek sekalian dengan penuh semangat dan tekad bagi menjamin kemakmuran, keselamatan dan kebahagiaan rakyat dan negara Malaysia.

7. Pada hari yang berbahagia dan penuh istiadat ini, bagi pihak diri patek, Kerajaan dan seluruh rakyat, patek dengan segala hormat dan takzimnya mohon menyembah ikrar taat-setia yang tidak berbelah bagi kepada Kebawah Duli Tuanku. Ampun Tuanku,

Sekian, sembah patek harap diampun.